

## **GEOPOLITIK NEGERI TERENGGANU DALAM PRA PRU-14, PRU-14 DAN PASCA PRU-14**

*(Geopolitics the state of Terengganu in Pre GE-14, GE-14 and Post GE-14)*

Junaidi Awang Besar

### **ABSTRAK**

Ketika pra PRU-14, parti politik di Terengganu telah menyatakan keyakinan masing-masing untuk berkuasa berdasarkan isu semasa, prestasi pemerintahan dan kepimpinan. Pada PRU-14, rakyat telah memilih untuk memberi peluang kepada PAS bagi menerajui Kerajaan Negeri Terengganu. Pasca PRU-14 memperlihatkan berlaku pula konflik antara UMNO dengan PAS di negeri tersebut. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis geopolitik Negeri Terengganu pada pra PRU-14, PRU-14 dan pasca PRU-14. Penulisan artikel ini adalah berdasarkan kepada analisis data keputusan PRU 2018, pemerhatian di lapangan dan analisis sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas persidangan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa geopolitik atau kuasa pemerintahan berdasarkan senario pra PRU-14, PRU-14 dan pasca PRU-14 di Terengganu bergantung kepada pengaruh kekuatan sokongan pengundi kepada parti politik, peranan dan kelantangan suara pimpinan utama dan isu semasa yang berlaku di negeri tersebut. Ketidakstabilan pemimpin Kerajaan BN dan isu-isu tempatan telah membuka ruang kepada PAS untuk memenangi hati rakyat Terengganu dalam PRU-14. Namun penolakan ini dilihat bukan kerana kekuatan PAS tetapi sebaliknya kelemahan BN menangani isu-isu yang timbul dalam masyarakat khususnya di Terengganu. Sementara itu, PH juga tidak dilihat dominan di mana-mana bahagian kecuali di Kemaman dan Kuala Terengganu. Pasca PRU-14 memperlihatkan PAS bekerjasama dengan UMNO sehingga membentuk Muafakat Nasional (MN) atas dasar kerjasama politik Melayu-Islam. Buat pertama kalinya di negeri ini, pembangkang dalam DUN yang bersifat mesra kerajaan. Namun konflik terbuka antara kepimpinan utama UMNO dengan PAS yang berkait dengan soal pembahagian peruntukan pembangunan dan pembahagian kerusi dalam pilihan raya umum akan datang akan menjadi cabaran kepada kedua-dua parti politik tersebut untuk mempertahankan kerjasama politik secara berpanjangan dan konsisten.

**Kata kunci:** Geopolitik, konflik, pemimpin, rakyat, kerjasama politik

### **ABSTRACT**

During the pre-GE-14, political parties in Terengganu have expressed their confidence to come to power based on current issues, government performance and leadership. In GE-14, the people have chosen to give PAS a chance to lead the Terengganu State Government. After GE-14, there was also a conflict between UMNO and PAS in the state. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze the geopolitics of Terengganu in pre-GE-14, GE-14 and post GE-14. The writing of this article is based on analysis of GE 2018 results data, field observations and analysis of secondary sources such as journal articles and conference papers. Findings show that geopolitics or governing power based on pre-GE-14, GE-14 and

post-GE-14 scenarios in Terengganu depends on the influence of voter support for political parties, the role and volume of key leaders and current issues in the state. The instability of BN Government leaders and local issues have opened up space for PAS to win the hearts of Terengganu people in GE-14. However, this rejection is seen not because of the strength of PAS but rather the weakness of BN in addressing issues that arise in the community, especially in Terengganu. Meanwhile, PH is also not seen as dominant in any part except in Kemaman and Kuala Terengganu. Post GE-14 shows PAS cooperating with UMNO to form a Muafakat Nasional (MN) on the basis of the Malay-Muslim political cooperation. For the first time in the state, the opposition in the state assembly is government-friendly. However, the open conflict between the main leadership of UMNO and PAS over the distribution of development allocations and the distribution of seats in the next general election will be a challenge to both political parties to maintain long-term and consistent political cooperation.

**Keywords:** Geopolitics, conflict, leaders, people, political cooperation

## PENGENALAN

Pergolakan politik tanah air pada pra-PRU-14 menterjemahkan pelbagai kejutan, perubahan persepsi pengundi, kontroversi dan keputusan suka duka yang pastinya menguji rakyat Malaysia dan khususnya rakyat di Terengganu dalam memilih parti yang akan meneraju pentadbiran Terengganu. Hal demikian kerana pada PRU-14 ini, wujud tiga blok politik utama yang bertanding di Terengganu iaitu BN, Gagasan Sejahtera/PAS dan PH, di mana selama ini hanya dua blok politik sahaja yang bertanding untuk PRU di Terengganu iaitu BN dan PAS. Sejarah penguasaan PAS sekali lagi tercatat di Terengganu apabila memenangi 22 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 32 kerusi yang dipertandingkan pada PRU-14. BN pula hanya memenangi 10 kerusi DUN. Pada peringkat Parlimen, PAS telah memenangi 6 kerusi berbanding 2 kerusi yang dimenangi oleh BN. Sementara itu, PH tidak memenangi mana-mana kerusi sama ada di peringkat DUN mahupun Parlimen malah kebanyakan calon-calon PH yang bertanding hilang wang pertaruhan pilihan raya (Junaidi, Abdul Muein & Ahmad Afif 2018). Justeru, keputusan PRU-14 menunjukkan bahawa hanya BN/UMNO dan PAS yang relevan serta diterima pengundi di negeri pengundi Melayu teramai di Malaysia ini. Pasca PRU-14 memperlihatkan PAS berjaya menuju kerajaan Negeri Terengganu dan dalam masa yang sama, UMNO dan PAS telah membentuk kerjasama politik Melayu baru iaitu Muafakat Nasional (MN). Kerjasama politik dalam Muafakat Nasional diterjemahkan melalui ceramah secara bersama dan persetujuan terhadap isu dan pembentangan usul dalam sidang DUN.

Namun persoalannya adakah perpaduan antara kedua-dua parti ini dapat dipupuk pada peringkat akar umbi atau peringkat bawah? Adakah konflik lama seperti peristiwa kafir-mengkafir, pulau-memulau, boikot kenduri kahwin, sembahyang berjemaah secara berasingan, pergaduhan antara adik beradik dan saudara mara akibat perbezaan fahaman politik dapat dimaafi dan dilupakan? Bagaimana pula dengan pembahagian kerusi DUN dan Parlimen menuju PRU akan datang dapat dikompromi antara kedua-dua parti politik yang bertanding di kawasan yang mempunyai segmen pengundi yang sama iaitu majoriti Melayu-Islam? Setelah memeterai kerjasama politik melalui Muafakat Nasional, adakah Kerajaan Negeri Terengganu yang dikuasai PAS bersedia memberi ruang kepada UMNO untuk menyertai kerajaan negeri ini secara bersama yang disebut sebagai Kerajaan Perpaduan? Isu pembahagian peruntukan untuk bantuan kepada rakyat Terengganu yang

terkesan dengan penularan wabak Covid-19 yang tidak sama rata antara ADUN PAS dengan ADUN BN/UMNO yang ditimbulkan oleh bekas Menteri Besar Terengganu (BN/UMNO) yang juga ADUN Kijal iaitu Dato Seri Ahmad Said juga memperlihatkan riak-riak kecil pergolakan antara UMNO dengan PAS di Terengganu, bagaimana isu ini diselesaikan oleh Menteri Besar Terengganu (PAS) iaitu Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar? Ini yang menjadi cabaran kepada kedua-dua parti politik tersebut untuk mempertahankan kerjasama politik secara berpanjangan dan konsisten. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis geopolitik Negeri Terengganu pada PRU-14 dan pasca PRU-14.

## **POLITIK PILIHAN RAYA DI NEGERI TERENGGANU**

Yahaya (1990) membongkarkan penyelewengan yang dilakukan oleh Wan Mokhtar iaitu Menteri Besar Terengganu yang tidak disenangi oleh rakyat negeri itu. Mohd Firdaus (1992) membincangkan mengenai zaman keruntuhan UMNO baru Terengganu akibat krisis UMNO 1987 dan faktor PAS yang memainkan peranan yang agresif dalam politik Terengganu. Tarmizi (1992) menjelaskan bahawa PAS boleh menawan Terengganu berdasarkan kepada komposisi etnik majoriti Melayu di negeri tersebut, program dan strategi PAS berdasarkan kemenangan PAS di Kelantan pada PRU 1990. Zulkifli (1994) menjelaskan dalam menentang UMNO, PAS perlu mengerahkan segala kekuatan yang ada dan menghimpunnya dalam sebuah kesatuan yang kukuh.

Junaidi (2003) menjelaskan bahawa pengundi pada PRU 1995 memilih UMNO kerana kestabilan sosial dan politik serta program pembangunan yang baik. Berbeza pula pada PRU 1999 yang menunjukkan kemunculan aliran fahaman ‘politik baru’ yang mengubah senario politik pengundi di Kuala Terengganu. Lotfi (2003) menjelaskan bahawa saf kepimpinan PAS dalam menerajui Kerajaan Terengganu terbukti berwibawa dengan membawa perubahan dalam pemerintahan berteraskan Islam. Alias (2004) menjelaskan bahawa dengan pembohongan dan kegagalan Kerajaan PAS Terengganu memerintah negeri tersebut pada 1999-2004 dengan baik maka BN berpeluang untuk menawan kembali negeri Terengganu pada PRU akan datang.

Mohammad Agus (2004) menyatakan bahawa keputusan pilihan raya umum 1999 menunjukkan beberapa pola baharu iaitu UMNO secara mengejut tewas di Terengganu, sokongan orang Melayu terhadap UMNO semakin merosot, majoriti pengundi muda tidak lagi bersama UMNO, dan UMNO sejak merdeka adalah parti pemerintah yang semakin hilang kredibiliti. Awang (2006) menjelaskan pemilihan rakyat Terengganu yang membawa kejutan iaitu dengan memilih PAS untuk memerintah pada 1999 dan memilih kembali UMNO untuk menerajui pentadbiran pada 2004 adalah kerana rakyat Terengganu menggunakan Rational Choice Theory (RCT).

Mohd Azizuddin (2017) menerangkan terdapat beberapa faktor yang dilihat menjadi penyumbang kepada peralihan kuasa. Antaranya berlaku perbalahan antara pemimpin negeri, perpecahan parti, sabotaj dan isu dalaman lain yang menyebabkan pengundi tidak yakin pada BN dalam meneruskan kelangsungan pentadbiran sedia ada. Abu Bakar (2012) menjelaskan bahawa Kerajaan PAS Terengganu berjaya menerapkan pemerintahan berlandaskan membangun bersama Islam berdasarkan lapan perkara dalam manifesto PRU-10. Azmah (2013) menerangkan bahawa rakyat Terengganu telah menunjukkan keprihatinan dalam pemilihan pemimpin yang mampu membangunkan Terengganu secara fizikal mahupun rohani.

Syed Azman (2013) menjelaskan bahawa Kerajaan BN Terengganu era pemerintahan Dato' Sri Ahmad Said telah mencecah RM 10 bilion dan banyak kejadian bangunan runtuh

telah berlaku pada zaman pemerintahan beliau seperti runtuhan masjid dan pasar menyebabkan kredibiliti beliau sebagai Menteri Besar diragui dan wajar ditolak dalam PRU akan datang. Mohd (2014) menjelaskan krisis politik di negeri Terengganu mengalami perubahan politik yang dinamik dan menyeru Menteri Besar untuk memperkasakan dirinya dan berjiwa besar dalam memperkasakan Kerajaan Negeri. Hamdan (2015) menjelaskan bahawa pelbagai input, kejutan dan keputusan yang menarik telah berlangsung dalam usaha rakyat Terengganu untuk meraikan hak demokrasi yang mereka ada bagi memilih parti memerintah yang sesuai untuk meneraju Terengganu.

Junaidi dan Mazlan (2016) mendapati keputusan tipis kerusi DUN 17-15 BN berbanding PAS dan PKR dikatakan berpunca daripada kesilapan letakan dan percaturan calon BN yang tidak disukai pengundi muda dan atas pagar di samping pengaruh pendakwah terkenal iaitu Ustaz Azhar Idrus yang bersama dengan PAS telah menarik undi golongan muda dan atas pagar untuk menyokong PAS terutamanya di kawasan bandar dan separa bandar.

Junaidi et al. (2016) dalam kajian geografi pilihan raya di kawasan DUN Manir, Terengganu mendapati bahawa faktor idealisme atau fahaman keislaman dan perkauman Melayu yang kuat dan sebat, ketokohan calon, faktor sosiologi atau kekeluargaan, faktor anak tempatan, faktor kekuatan jentera parti dan faktor isu semasa dan setempat mempengaruhi sokongan pengundi kepada PAS dan BN/UMNO mengikut kawasan Daerah Mengundi tertentu.

Mohd Hasbie (2017) meringkaskan bahawa rakyat Terengganu berani untuk membuat perubahan dengan menggunakan kuasa undi mereka dalam menumbangkan parti memerintah dalam pilihan raya dan suara rakyat Terengganu juga keramat apabila ramai Menteri Besar yang digantikan melalui usul undi tidak percaya. Wan Zulkifli (2018) membedah masalah pembahagian kerusi Dewan Undangan Negeri dalam kalangan parti dalam Pakatan Harapan iaitu PPBM, PKR dan AMANAH di Terengganu. Kekusutan ini timbul apabila melibatkan tuntutan bertindih bagi beberapa kerusi oleh PKR dan AMANAH.

Junaidi, Abdul Muein & Ahmad Afif (2018) menjelaskan bahawa PAS dominan di wilayah majoriti etnik Melayu iaitu Pantai Timur termasuk di Terengganu dan Utara Semenanjung disebabkan beberapa faktor iaitu antaranya pengalaman dan kekuatan jentera parti tersebut; peranan agen akar umbi yang meluas seperti golongan ustaz dan para penceramah; yakin bahawa hanya PAS yang dapat mengganti UMNO untuk membela seterusnya memartabatkan agama Islam dan bangsa Melayu di wilayah tersebut; dianggap parti ‘bersih’ dan ‘kelihatan bersih’ kerana tiada kes rasuah yang disiasat SPRM terhadap parti tersebut berbanding pemimpin BN dan PH; penerapan Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS) oleh parti tersebut; dan sentimen negatif bahawa undi PH/PKR = undi DAP yang anti Islam dan anti Melayu.

Mazlan (2018) menimbulkan persoalan iaitu ‘Adakah tsunami hijau yang berlaku di negeri pantai timur termasuk di Negeri Terengganu dalam PRU-14 lalu disebabkan gelombang sokongan terhadap keabsahan perjuangan PAS atau wujudnya gelombang massa rakyat menyokong asalkan bukan UMNO-BN. Ilyas, Jamaie & Sity (2018) menjelaskan sambutan masyarakat Melayu Terengganu terhadap parti politik UMNO dan PAS lebih dominan berbanding parti pembangkang yang lain. Hal ini dapat dibuktikan melalui keputusan pilihan raya di Terengganu sejak tahun 1959 sehingga tahun 2013. Ilyas & Saadatun (2018) menyatakan walaupun parti pembangkang yang lain turut terlibat dan memenangi beberapa kerusi dalam pilihan raya di negeri ini namun sokongan yang diberikan kepada parti tersebut tidak konsisten sepertimana sokongan yang diberikan kepada BN dan PAS.

Ilyas et al. (2018) menyatakan bahawa UMNO merupakan parti paling berkuasa dan sering menonjolkan imejnya sebagai pelindung kepada kepentingan masyarakat Melayu. Ilyas,

Jamaie & Sity (2018) membincangkan transformasi budaya politik masyarakat Melayu di Terengganu yang dimanifestasikan selepas peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim. Ilyas & Saadatun (2019) menjelaskan bahawa penglibatan awal masyarakat Melayu Terengganu dalam pilihan raya serta pembentukan budaya politiknya didorong oleh elemen Islam dan Melayu. UMNO menjadi pendukung perjuangan dalam memartabatkan institusi raja dan ketuanan Melayu mendapat sokongan kuat di Terengganu.

Abdul Hadi (2019) dalam buku beliau yang bertajuk ‘Islam Memimpin’ menjelaskan bahawa PAS termasuk di Terengganu bermuhasabah hasil daripada keputusan PRU 2019 bahawa PAS mengekalkan dan meningkatkan aspek positif iaitu penambahan ahli dan cawangan, kesediaan jentera, kualiti calon dan tawaran manifesto yang boleh dilaksanakan, manakala aspek kelemahan perlu diperbaiki iaitu penguasaan media sosial, penyampaian mesej kepada bukan Islam dan pengundi muda serta pendaftaran pengundi. Ilyas (2020) menyimpulkan bahawa budaya politik Terengganu sebelum PRU-10 menyaksikan sokongan pengundi terhadap UMNO-BN begitu kukuh dan dominan yang disebabkan faktor pembangunan. Namun pasca PRU-10, prinsip keadilan sosial pula mempengaruhi budaya politik Terengganu.

Junaidi et al. (2020) menjelaskan bagi kawasan luar bandar, kawasan majoriti Melayu dikuasai UMNO/BN dan juga oleh PAS di Kelantan, Terengganu dan juga sebahagian luar bandar di Kedah. Terdapat juga kawasan luar bandar yang dimenangi oleh sama ada BN, PAS dan PH dengan majoriti tipis disebabkan perpecahan undi ketiga-tiga blok parti. Ini disebabkan oleh segmen demografi pengundi yang berbeza sama ada oleh pengundi setempat, pengundi muda, pengundi luar dan juga pengundi berpendidikan yang lebih tinggi.

## METODOLOGI KAJIAN

Bagi metod kajian, antara kaedah pengumpulan data primer bagi teknik kualitatif ialah menggunakan pemerhatian di lapangan manakala kaedah kuantitatif pula ialah olahan data keputusan PRU-14 (2018) bagi Negeri Terengganu iaitu penggunaan data keputusan pilihan raya di negeri kajian untuk menyokong analisis kajian. Pemerhatian di lapangan dilakukan dengan memerhati suasana kempen PRU-14 yang merangkumi perang poster, *banner*, *bunting* dan *billboard*; sesi ceramah pada waktu malam; sesi *walkabout* calon yang bertanding; dan meninjau reaksi pengundi terhadap situasi, kaedah dan intipati isu kempen. Kaedah pemerhatian di lapangan adalah penting bagi melihat perubahan landskap budaya politik masyarakat setempat, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan untuk menyokong seterusnya mengukur hasil kajian.

Kaedah kuantitatif iaitu olahan data keputusan PRU-14 bagi Negeri Terengganu pula merujuk kepada penelitian terhadap keputusan PRU-14 di kawasan tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi parti politik dan jumlah kerusi yang dimenangi parti politik. Penelitian terhadap data keputusan PRU-14 tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi parti politik dan jumlah kerusi yang dimenangi parti politik adalah penting bagi melihat data keputusan undi secara lebih detail dan tepat berdasarkan angka bernombor bagi membuat justifikasi atau alasan sebab musabab keputusan berdasarkan angka bersifat sedemikian.

Data sekunder yang merupakan maklumat berbentuk kualitatif melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis iaitu juga dalam bentuk analisis kandungan. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperoleh dengan melakukan penyelidikan ke perpustakaan. Segala kajian lepas dan data-data daripada sumber kedua iaitu buku, jurnal, latihan ilmiah/kertas projek/disertasi/tesis serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan

maklumat dari media-media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet, blog, media sosial (facebook, twitter dan email) bagi mendapatkan maklumat tambahan seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal.

## **GEOGRAFI, SOSIO-EKONOMI DAN BAHAGIAN PILIHAN RAYA DI NEGERI TERENGGANU**

Terengganu adalah salah sebuah negeri daripada 13 buah negeri dibawah negara Malaysia. Terengganu terletak di timur Semenanjung Malaysia, ia bersempadan dengan negeri Kelantan dan negeri Pahang. Terengganu terletak di antara garisan lintang 4 hingga 5.50 dan garisan bujur 102.25 hingga 103.50. Keluasan negeri Terengganu ialah 13,035 sq. km yang mewakili 4 peratus keluasan Malaysia. Terengganu memiliki 4 buah pulau di sekelilingnya iaitu Pulau Kapas, Pulau Tenggol, Pulau Perhentian dan Pulau Lang Tengah. Jumlah penduduk negeri Terengganu ialah 1,183,400 juta orang (Data asas negeri Terengganu 2016). Komposisi penduduk Terengganu mengikut etnik pada 2015 ialah menunjukkan bahawa 94.6 peratus adalah Melayu, 2.5 peratus ialah Cina, 0.3 peratus adalah etnik India, 0.3 peratus lagi ialah bumiputera lain dan 0.2 peratus adalah etnik-etnik lain. Dicatatkan juga, jumlah penduduk Terengganu melibatkan bukan warganegara sahaja adalah 2.1 peratus. Apa yang menariknya, negeri Terengganu mencatatkan jumlah penduduk bumiputera yang tertinggi dalam Malaysia iaitu 94.8 peratus (Taklimat Membangun Terengganu 2016). Negeri Terengganu mempunyai 8 kawasan Parlimen dan 36 kawasan DUN (Lihat Rajah 1).

Rajah 1: Peta Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan DUN di Negeri Terengganu



Sumber: Diubahsuai daripada SPR (2018)

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Senario Geopolitik Terengganu Pra PRU-14

UMNO dan PAS memang musuh ketat dalam gelanggang politik Malaysia lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Kelantan dan Terengganu. Kedua-dua parti ini tidak asing dalam kancah politik di Terengganu. Ini terbukti apabila parti-parti ini berjaya membentuk kerelevan mereka apabila masing-masing pernah menang majoriti kerusi bertanding dalam pilihan raya umum yang diadakan. Pada PRU-13 (2013), apabila PAS bersama parti pembangkang iaitu PKR dan DAP, PAS telah berjaya menggugat kedudukan UMNO dengan menang 10 kerusi DUN dan empat kawasan parlimen daripada keseluruhan lapan kawasan parlimen. Namun UMNO masih berupaya untuk menguasai Terengganu dengan kemenangan 18 kerusi DUN. Umum sedia maklum bahawa PAS menang besar di Terengganu dengan menawan enam kawasan Parlimen dan 22 DUN.

Menurut Timbalan Pesuruhjaya II PAS Terengganu, Dr. Alias Razak berkata pada sidang media dengan Sinar Harian pada 2 Oktober 2017, PAS Terengganu yakin menawan 22 kerusi DUN dan enam Parlimen dalam usaha mengambil alih pentadbiran Terengganu pada PRU akan datang (Sinar Harian 2017). Dalam program ceramah PAS pada 22 November 2017, PAS sangat yakin akan menang di sekurang-kurangnya 25 kerusi DUN dan menawan Terengganu pada PRU-14. Ahli Jawatankuasa Perhubungan PAS Negeri, Ustaz Azman Shapawi Abdul Rani berkata, faktor kemenangan parti itu di Terengganu ialah, PAS satu-satunya parti yang mahu memperjuangkan Islam di negara ini. Kemudian dalam sidang media Badan Perhubungan PAS Terengganu pada 3 Mei 2018, PAS Terengganu menyatakan keyakinan mereka yang tinggi untuk memenangi lima lagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) sambil mengekalkan 14 kerusi dimenangi pada PRU 2013 yang menjadikan jumlah kerusi yang dijangka akan dimenangi PAS ialah 19 kerusi.

Tambah Husain lagi, hal lain yang tidak disenangi rakyat ialah pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Bagaimanapun, Husain berkata PAS tidak meletakkan kedudukan mereka dalam keadaan selesa. Namun menurut beliau, pihak lawan daripada UMNO-BN dan Pakatan Harapan sudah tentu tidak akan memberi laluan mudah kepada PAS untuk menang. Sebagaimana pengalaman PRU ke-13, UMNO-BN akan menggunakan apa saja cara untuk menang termasuk menggunakan jentera kerajaan dan sogokan wang yang berleluasa untuk memancing undi (Malaysiakini 2018).

Namun keyakinan PAS untuk menawan Terengganu disanggah oleh Pengurus Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu yang juga Menteri Besar Terengganu iaitu Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman ketika temu bual dengan pihak akhbar Utusan Malaysia pada 12 Januari 2018. Beliau menyatakan bahawa rakyat Terengganu hari ini dengan jelas kata Terengganu ‘molek doh’ dan kalau Terengganu ‘molek doh’, tiada sebab kita nak tukar lagi kerajaan sedia ada.

Sementara itu, PAS Terengganu menyifatkan Pakatan Harapan (PH) hanya pengacau dan bukan lawan yang digeruni untuk parti itu pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti. Timbalan Pesuruhjaya I, Satiful Bahri Mamat dalam temu bual oleh wartawan Berita Harian pada 6 Februari 2018 berkata PAS sedikit pun tidak gentar dengan ancaman PH di negeri ini membabitkan Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), yang wujud hasil ketidaksetiaan serta rasa tidak puas hati bekas ahli PAS dan UMNO. Beliau menjelaskan bahawa PH sedikitpun tidak memberi ancaman kepada PAS (Berita Harian 2018). Perkara lebih menarik, tiga siri HARAP-PGU yang terakhir, PAS Terengganu dengan penuh keberanian dan berjiwa besar mengisyiharkan lima manifesto PAS


Terengganu pada setiap siri HARAP-PGU. Tindakan ini membuktikan PAS Terengganu serius dan sangat bersedia untuk mengambil alih kerajaan negeri (Buletin Online 2017).

Berikutnya, Pakatan Harapan meletakkan misi yang dianggap cukup sukar jika tidak mustahil bagi AMANAH untuk merampas Terengganu pada PRU-14 daripada bekas parti induknya, PAS. Di Terengganu, PAS hampir memenangi negeri itu tanpa bantuan mana-mana sekutunya pada tahun 2013, jika ia berjaya merampas tiga lagi kerusi dari UMNO (Malaysiakini 2017). Seterusnya Naib Presiden PKR iaitu Rafizi Ramli melalui badan penyelidikan yang ditubuhkannya iaitu INVOKE dalam satu kenyataan akhbar pada 9 Mac 2018 menyatakan bahawa BN mengekalkan Terengganu (Free Malaysia Today 2018).

### **Keputusan PRU-14 Bagi Negeri Terengganu**

PRU-14 (2018) menyaksikan PAS kembali merampas Terengganu dan berjaya mempertahankan kubu kuatnya iaitu Negeri Kelantan. PAS merampas Terengganu daripada Barisan Nasional (BN) dengan majoriti mudah selepas memenangi lebih separuh daripada kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Bagi kerusi Parlimen, enam kerusi dimenangi oleh PAS ialah di Setiu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman sementara BN hanya memenangi dua kerusi iaitu di Besut dan Hulu Terengganu (Lihat Rajah 2).

Rajah 2: Peta Taburan Geografi Kerusi Parlimen yang dimenangi Parti Politik dalam PRU-14, 2018 di Negeri Terengganu Darul Iman



Sumber: Diolah daripada SPR (2018)

Daripada keseluruhan 32 kerusi DUN Terengganu yang dipertandingkan, PAS memenangi 22 kerusi manakala BN hanya memenangi 10 kerusi dan PKR gagal mendapatkan

sebarang kerusi. Maka, terdapat jurang perbezaan yang ketara mungkin disebabkan oleh faktor populariti parti politik dan calon yang bertanding. Kesemua jumlah 22 kerusi DUN yang dimenangi oleh PAS ialah DUN Kota Putera, Jabi, Tepuh, Buluh Gading, Bukit Tunggal, Wakaf Mempelam, Bandar, Ladang dan Batu Buruk. Selain itu, PAS juga turut menang di kerusi DUN Alur Limbat, Bukit Payung, Rhu Rendang, Pengkalan Berangan, Manir, Kuala Berang, Ajil, Rantau Abang, Sura, Paka, Kemasiik, Cukai dan Air Putih (Rujuk Rajah 3).

Rajah 3: Peta Taburan Geografi Kerusi DUN yang dimenangi Parti Politik dalam PRU-14, 2018 di Negeri Terengganu Darul Iman



Sumber: Diolah daripada SPR 2018

### Faktor Sokongan Kepada Parti Politik Dalam PRU 2018 di Terengganu

Analisis mendapati bahawa literasi politik kepartian di Terengganu adalah berkaitan dengan gelombang kebangkitan rakyat terhadap kepincangan urus tadbir kerajaan negeri. Adalah menjadi rahsia umum bahawa sejak kemenangan BN pada PRU-14, isu kepimpinan negeri khususnya kerajaan BN di Terengganu sering kali diperbincangkan sehingga pentadbiran kerajaan negeri berada dalam keadaan yang tidak stabil dan ini menjadi faktor utama kejatuhan BN di negeri ini.

Isu kerusi Menteri Besar yang silih berganti telah memberi kesan kepada kepimpinan kerajaan negeri yang memberi kesan langsung kepada kebajikan rakyat. Malah situasi ini diburukkan lagi dengan suasana yang tidak mesra dengan pihak istana telah menambahkan kekhawatiran rakyat mengenai perjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu.

Kepincangan ini telah diterjemahkan oleh rakyat menerusi PRU-14 setelah hanya dua penggal kerajaan BN memerintah di Terengganu iaitu daripada PRU-12 hingga PRU-13. Harus diingat bahawa pada PRU-11 rakyat Terengganu telah memberikan mandat

pemerintahan kerajaan negeri kepada PAS. Namun, tempoh kerajaan PAS pada masa tersebut hanya mampu bertahan selama satu penggal pilihan raya sahaja. Pelbagai isu semasa telah timbul pada masa tersebut sehingga kerajaan PAS gagal memenangi hati rakyat di Terengganu.

Isu-isu di peringkat nasional khusus ekonomi juga telah memainkan peranan kepada kemenangan PAS dan kemerosotan prestasi UMNO di Terengganu. Isu-isu seperti GST, kenaikan harga petrol, kenaikan harga barang harian dan lain-lain turut menjadi perbincangan yang ketara. Situasi ini telah menyebabkan kesan secara langsung kepada kelangsungan hidup rakyat. Turut menjadi perbualan ialah kepincangan urus tadbir kerajaan negeri serta penyelewengan dan salah guna kuasa dengan mempergunakan segala jentera dan aset kerajaan demi kepentingan parti BN. Isu-isu yang timbul ini telah gagal ditangani dengan berkesan oleh pimpinan kerajaan BN di peringkat pusat mahupun di Terengganu.

Pelbagai isu juga timbul di peringkat tempatan yang menjadi titik penolakan rakyat kepada BN dan menerima PAS sebagai pilihan menerajui Kerajaan Negeri Terengganu. Antara isu-isu berkenaan adalah isu pertumbuhan ekonomi negeri yang lembab, masalah pengangguran dan sosial anak-anak muda, penghijrahan rakyat keluar, cukai tanah dan cukai pintu, kemudahan golongan kurang upaya, kebijakan rakyat miskin dan ibu tunggal tanpa mengira kaum dan agama serta pelaksanaan hukum Islam. Tahap kepercayaan rakyat terhadap kerajaan BN telah menurun dan ruang-ruang tersebut telah diberikan kepada PAS untuk menyelesaikan isu-isu pentadbiran kerajaan dan sosial masyarakat di Terengganu.

Pengaruh media sosial telah memainkan peranan yang penting dalam mencorak pola pengundi bukan sahaja di Malaysia malahan juga di Terengganu. Ianya telah menjadi jambatan penghubung khususnya di kalangan anak-anak muda untuk menyampaikan aspirasi dan rasa ketidakpuasan berkaitan isu-isu semasa yang berlaku tanpa had dan halangan.

Walaupun begitu amatlah disesali kecanggihan teknologi tersebut seringkali disalah guna ke arah menyampaikan perkara-perkara yang tidak benar dan fitnah semata-mata. Situasi ini telah mempengaruhi rasa kebencian di kalangan anak-anak muda dan masyarakat terhadap kerajaan yang sedia ada. Amat menyedihkan generasi muda ini mewakili hampir separuh majoriti pengundi termasuklah sebahagian besar pengundi luar yang pulang ke Terengganu semata-mata untuk memberi undi di atas berita-berita yang mengelirukan ini.

Pengundi Melayu Terengganu terutamanya di kawasan luar bandar tidak mengundi BN/UMNO dalam PRU-14 disebabkan isu nasional seperti isu GST dan kos sara hidup yang tidak ditangani dengan baik oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang dikuasai BN/UMNO serta kepimpinan UMNO yang bermasalah menyebabkan mereka tidak lagi yakin terhadap UMNO/BN. Oleh itu, demi mengekalkan kepimpinan Melayu bagi menggantikan UMNO maka mereka yakin dan percaya seterusnya memilih untuk mengundi PAS yang dipimpin orang Melayu-Islam berbanding PH/PKR yang dilihat atau dipersepsikan dalam kemenangan pilihan raya didominasi oleh kaum bukan Melayu dan bersikap liberal terhadap pegangan hidup beragama. Mereka juga takut jika kuasa undi diberi kepada PH yang mempunyai pemimpin yang berbilang kaum itu maka kuasa politik orang Melayu-Islam akan terancam dan bakal dihapuskan sepertimana di Singapura. Oleh itu bagi mereka, kuasa politik orang Melayu-Islam perlu dikekalkan dan sebagai galang ganti kepada UMNO yang sedang mempunyai masalah integriti kepimpinannya serta masalah ekonomi yang tidak ditangani dengan baik maka PASlah alternatif atau pilihan terbaik untuk mereka sebagai ganti kepada UMNO untuk memerintah negeri ini.

## **Geopolitik Terengganu Pasca PRU 2018**

Pasca PRU 2018 di Terengganu menyaksikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ru Rendang, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar menepati ramalan apabila dilantik menjadi Menteri Besar Terengganu yang baharu pada 10 Mei 2018, hari ini selepas PAS memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14). Pada 16 Mei 2018, Menteri Besar Terengganu, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar mengumumkan senarai 11 portfolio baharu untuk membantu kelancaran pentadbiran negeri. Beliau berkata, ada beberapa penambahbaikan tugas dibuat terhadap Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) berbanding portfolio terdahulu. Beliau akan mempengerusikan portfolio Jawatankuasa Perancang, Kewangan dan Pelaburan, Tanah dan Sumber Asli manakala Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paku, Satiful Bahari Mamat dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi. Selain itu, ADUN Bukit Tunggal, Dr Alias Razak pula akan mempengerusikan Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar manakala ADUN Bukit Payong, Mohamad Nor Hamzah mempengerusikan Jawatankuasa Pembangunan Insan, Dakwah dan Penerangan. Selain itu, ADUN Jabi, Dr Azman Ibrahim dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa; ADUN Ladang, Datuk Tengku Hassan Tengku Omar (Pengurus Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Pentadbiran); ADUN Alor Limbat, Ariffin Deraman (Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Maklumat). ADUN Chukai, Hanafiah Mat pula dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga & Perpaduan Nasional; ADUN Wakaf Mempelam, Wan Sukairi Wan Abdullah (Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO). ADUN Kuala Berang, Dr Mamad Puteh (Pengurus Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti dan Teknologi Hijau) serta ADUN Kota Putera Mohd Nurkhuzaini Ab Rahman sebagai Pengurus Jawatankuasa Keusahawanan, Industri Mikro dan Hal Ehwal Penjaja.

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menjelaskan pertemuannya dengan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 16 Februari 2019 adalah bagi membincangkan penyelarasan pentadbiran antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Persekutuan. Ahli parlimen Marang itu berkata perbincangan itu turut menyentuh mengenai Wang Tunai Petroleum (WTP), Majlis Tindakan Ekonomi (MTE) dan projek-projek Kerajaan Persekutuan dan Negeri agar tidak wujud sebarang percanggahan. Kerajaan Terengganu sudah menerima royalti minyak atau Wang Tunai Petroleum (WTP) keseluruhan berjumlah RM1.277 bilion tahun 2019 (Berita Harian 2019).

Sesi perbahasan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu Ke-14 pada 10 Ogos 2020 panas apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kijal, Datuk Seri Ahmad Said mempersoalkan keikhlasan kerjasama Muafakat Nasional (MN) antara PAS dan UMNO di Terengganu. Pengurus UMNO Terengganu itu menyuarakan rasa hati itu kerana kecewa dengan agihan peruntukan yang tidak adil. Jelas beliau, Kerajaan Negeri Terengganu di bawah PAS memberikan peruntukan RM350,000 kepada wakil rakyat PAS, RM305,000 kepada Pejabat Penyelaras DUN PAS dan RM45,000 kepada wakil rakyat UMNO. Dicampur lagi dengan RM100,000 (peruntukan kerajaan Pusat yang boleh dibelanjakan untuk bantuan am), jadi maknanya wakil rakyat PAS ada RM450,000 (Sinar Harian 2020a).

Pengurus Badan Perhubungan UMNO Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said mengakui tidak berlaku kerjasama antara kepimpinan PAS dan UMNO dalam Muafakat Nasional (MN) di Terengganu. Beliau berkata, semangat kerjasama di peringkat negeri tidak wujud bukan seperti yang berlaku di peringkat nasional. Ahmad turut mempersoalkan tindakan kerajaan

Terengganu melantik individu tertentu memegang terlalu banyak jawatan-jawatan penting dalam syarikat milik kerajaan negeri. Menurutnya, individu yang mempunyai rekod yang tidak baik dan pernah dipecat didakwa turut dilantik memegang sehingga 13 jawatan termasuk pengerusi, ahli lembaga pengarah dan penasihat (Sinar Harian 2020b). Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar disifatkan pemimpin berjiwa besar, apabila sedia bertemu dengan Pengerusi UMNO Terengganu, Dato' Seri Ahmad Said berbincang mengenai peruntukan bantuan Covid-19 (Harakahdaily 2020).

Sementara itu bekas menteri yang juga Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kemaman, Ahmad Shabery Cheek, sempat memberi peringatan kepada kedua-dua parti agar segera mengatasi kemelut berkenaan. Menggunakan bidalan, bekas menteri itu berkata, pertikaian yang berlaku tidak sesuai digambarkan sebagai retak menanti belah. Ahmad Shabery berkata semasa Covid-19 sedang melanda, tidak wajar oleh mana-mana pihak berpolitik, kecuali jika virus berkenaan sengaja dipolitikkan (Malaysiakini 2020a).

Ahmad Samsuri berkata terdapat dua perkara yang berkait dengan penyampaian bantuan tersebut iaitu mestilah disampaikan pada rakyat yang memerlukan, tanpa mengira warna politik mereka dan kaedah penyampaian disampaikan mesti berkesan, perlu segera dalam suasana batasan pergerakan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Bernama 2020).

Hubungan antara UMNO dan PAS dalam Muafakat Nasional (MN) bakal bergoyang jika formula yang betul pembahagian kerusi di Terengganu tidak dapat dicapai dengan baik. Penganalisis politik dari Ilham Centre, Dr Mohamad Yusri Ibrahim berkata, persandingan Umno-Pas, pelaminnya di Terengganu. Beliau dalam analisisnya menyatakan bahawa kukuh pelamin itu, lancarlah acara persandingan dan walimah. Goyang pelamin itu, kecohlah majlis nanti. Sebelum ini, PAS Terengganu mengeluarkan pengarahan supaya jentera mereka bersiap sedia hadapi PRU-15 yang dijangkakan pada 2020. Sembang-sembang tentang desakan supaya PRU15 diadakan segera juga berlegar kuat dalam kepimpinan tertinggi Umno semasa kempen PRK Chini tempoh hari (Malaysia Dateline 2020).

Menurut Naib Presiden PAS Ahmad Samsuri Mokhtar, soal agihan kerusi dalam pilihan raya umum (PRU) ke-15 nanti akan menjadi medan untuk ahli PAS membuktikan konsep walak dan tsiqah kepada kepemimpinan PAS. Katanya, berbeza dengan PRU sebelumnya, PAS kini berada dalam satu permuafakatan politik sebagai kerajaan pusat. Apa pun pada peringkat ini, proses perbincangan dan penyelarasian di peringkat atasan sedang berjalan.

Isu agihan kerusi antara sekutu gabungan PN diperkatakan memandangkan ketiga-tiga parti tersebut merebut untuk bertanding di kerusi dengan demografi pengundi Melayu-Islam yang sama. Sebelum ini, terutama pemimpin Umno dan Bersatu selalu berbalas kenyataan mengenai agihan kerusi, lebih-lebih lagi banyak juga kerusi Bersatu dimenangi atas tiket UMNO, sebelum ahli-ahli parlimen berkenaan melompat parti. PAS dilihat lebih banyak berdiam diri dan tidak terlibat dalam pertelingkahan antara dua parti PN itu. Secara prinsipnya PN akan kekal di negeri-negeri yang didominasi setiap parti (Sinar Harian 2020c).

Ahmad Said menyatakan UMNO tidak perlu takut untuk bertanding di semua kerusi di Terengganu kerana di Terengganu, Kelantan dan Kedah adalah negeri (majoriti) Melayu. PAS atau UMNO menang, tetap negeri Melayu. Yang penting, biar Perikatan Nasional (PN) memerintah dahulu. Oleh sebab itu beliau menyarankan bubar parlimen duhulu, bertanding di peringkat Putrajaya. Kemudian di DUN, UMNO dan PAS lawan sesama sendiri. Siapa yang lebih, dia yang akan menjadi kerajaan (Malaysiakini 2020c).

Isu pengagihan kerusi bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) dalam kalangan parti Perikatan Nasional (PN) setakat ini sudah banyak diselesaikan, kata Presiden

PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang. Soal pengagihan kerusi sedang dibincangkan dan setakat ini sudah banyak yang selesai. Berapa jumlah kerusi yang akan dapat belum dimuktamadkan lagi memandangkan tarikh pilihan raya juga belum diumumkan. Namun, untuk tiga negeri iaitu Kedah, Terengganu dan Kelantan, majoriti kerusi ditandingi oleh PAS. Setakat ini, PAS berpuas hati dengan kerjasama yang terjalin dengan BN dan BERSATU (Berita Harian 2020a).

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) negeri memohon dua kerusi Parlimen dan lapan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang. Ketua Badan Pimpinan BERSATU negeri, Datuk Razali Idris, walaupun tiada sebarang rundingan pengagihan kerusi, BERSATU bersetuju PAS diberikan lebihan kerusi (Berita Harian 2020b). Mengulas lanjut, beliau yang juga ahli Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU berkata, berdasarkan maklumat perbincangan pemimpin Perikatan Nasional (PN), setiap kerusi sama ada parlimen atau DUN yang dimenangi PAS, UMNO dan Bersatu, ia akan dikekalkan kepada parti terbabit. Hal itu, katanya, termasuk bagi kerusi yang pemenangnya melompat ke parti lain selepas PRU ke-14 lalu. Kaedah rundingan kedua juga, kata Razali, dicadangkan melalui pertukaran kerusi antara rakan PN. Contohnya PAS ada enam kerusi parlimen di Terengganu, ia tiada kerusi misalnya di Selangor atau Johor. Jadi kalau ia beri dua kerusi di Terengganu, PAS akan dapat balik dua kerusi di negeri lain. Jadi akan ada timbal balik, begitu juga dengan parti lain (Malaysiakini 2020d).

Berdasarkan kepada posting Facebook Kamarul Yusoff (pensyarah UUM) pada 21 Mac jam 6:10 petang yang bertajuk "Kemelut Di Terengganu: Cerita Sebenar Dari Menteri Besar", terkejut dengan sikap amat keras UMNO Terengganu terhadap Kerajaan PAS Terengganu, beliau (Kamarul Yusoff) telah mengambil inisiatif menghubungi Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, bagi mengetahui cerita sebenar apa yang berlaku di sana. Ini kerana beliau sendiri sebelum ini telah beberapa kali menyuarakan pandangan, baik secara terbuka dalam media mahupun secara peribadi supaya Kerajaan PAS Terengganu, dan Kerajaan PAS Kelantan, lebih mengakomodasi pemimpin dan ahli UMNO. Begitupun, agak mengejutkan apabila beliau dimaklumkan oleh Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri, selain oleh beberapa pemimpin PAS Terengganu yang lain, bahawa Dr. Ahmad Samsuri sebenarnya telah membuat beberapa usaha untuk mengakomodasi pemimpin dan ahli UMNO. Malangnya, beliau dimaklumkan bahawa pemimpin UMNO Terengganu, khususnya Pengurusnya, Dato' Seri Ahmad Said, yang berkeras mengelakkan diri dari bekerjasama dengan Kerajaan PAS Terengganu atau dari berunding dengan PAS Terengganu. Mengikut Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri, beliau telah berjumpa secara empat mata dengan Dato' Seri Ahmad Said pada waktu rehat sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu pada tahun 2020 lalu bagi membincangkan permasalahan antara kedua-dua parti (Kamarul Yusoff 2021).

Pada 27 Mac 2021, Pengurus Badan Perhubungan UMNO Terengganu iaitu Dato' Seri Ahmad Said mencadangkan walaupun wujud kerjasama rasmi di antara Umno dan PAS melalui Muafakat Nasional (MN), bekas menteri besar Terengganu Ahmad Said mempunyai cadangan tersendiri untuk kedua-dua parti. Pengurus Umno Terengganu itu malah menyarankan Umno dan PAS bertanding "secara mesra" dalam pilihan raya umum (PRU) di tiga negeri iaitu Terengganu, Kelantan dan Kedah. Menurutnya, persaingan secara sihat perlu diwujudkan supaya rakyat diberikan peluang untuk memilih siapa yang layak memimpin negeri (Malaysiakini 2021). pada 3 April 2021, Dato' Seri Ahmad Said menyatakan bahawa BN/UMNO akan bertanding di kesemua 8 kerusi Parlimen dan 36 DUN Terengganu menentang BERSATU dan PAS yang akan menggunakan bendera Perikatan Nasional (PN). Ini kerana PAS telah mengisyiharkan akan bertanding di semua 6 kerusi Parlimen dan 22 kerusi DUN yang mereka menang pada PRU-14. Kenyataan PAS tersebut akan menyebabkan

BN bertanding hanya di 1 kerusi Parlimen dan 10 kerusi DUN maka ini menjadikan BN hanya sebagai parti minoriti yang tidak berkuasa ataupun tidak dominan di Terengganu (Astro Awani 2021).

Sementara itu, pada 20 April 2021, Ahli Parlimen Kuala Nerus, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, merangkap Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi memberi komen mengenai pendirian UMNO Terengganu yang bakal bertanding di seluruh negeri itu pada PRU 15 nanti. Jelasnya, UMNO berkerjasama dengan PAS dan bersetuju agar tidak berlaku pertembungan 3 penjuru, kalau ianya berlaku beliau yakin itu tidak akan dipersetujui di peringkat pusat. Jika diteruskan juga bererti ia menempah maut bagi BN/UMNO. Beliau turut menambah mesyuarat perundingan Muafakat Nasional diadakan dua kali sebulan bagi berbincang dari masa ke semasa. Tindakan UMNO Terengganu ini bakal mewujudkan ketidakmenangan bagi PAS, UMNO dan Bersatu dan beliau yakin ini tidak akan dipersetujui di peringkat pusat. PAS dan UMNO berada dalam Muafakat Nasional dan mesyuarat perundingan antara dua parti diadakan juga dan secara optiknya menggambarkan PAS-UMNO sentiasa bersama dalam Muafakat Nasional seperti mana PAS dengan Perikatan Nasional yang kini mentadbir negara. Terdahulu, UMNO Terengganu sekali lagi mengulangi pendirian akan bertanding di semua 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan lapan Parlimen dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15). Ketua Penerangannya, Datuk Nik Dir Nik Wan Ku berkata, fokus dan gerak kerja UMNO negeri kini tertumpu ke arah pertandingan di semua kawasan. Bagaimanapun, katanya, demi kestabilan politik dan negara, parti itu akur dengan apa jua keputusan pucuk pimpinan berhubung agihan kerusi dengan rakan komponen Muafakat Nasional (MN) iaitu PAS (MNT Press 2021).

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, geopolitik atau kuasa pemerintahan berdasarkan senario pra PRU-14, PRU-14 dan pasca PRU-14 di Terengganu bergantung kepada pengaruh kekuatan sokongan pengundi kepada parti politik, peranan dan kelantangan suara pimpinan utama dan isu semasa yang berlaku di negeri tersebut. Geopolitik Terengganu berlandaskan kepada pengukuhan politik Melayu dan dominasi kuasa yang bertumpu kepada satu parti politik sahaja. Negeri Terengganu yang merupakan negeri paling ramai pengundi Melayu iaitu 96 peratus akan terus menjadi rebutan antara dua parti dominan Melayu iaitu UMNO dan PAS. Pengundi di Negeri Terengganu yakin hanya salah satu daripada parti tersebut sahaja yang dapat mempertahankan hak dan keistimewaan Orang Melayu. Ini terbukti apabila PKR/PH tidak memenangi sebarang kerusi DUN dan Parlimen di negeri ini malahan majoriti calonnya kehilangan wang deposit. Oleh itu UMNO dan PAS perlu mengekalkan reputasi sebagai parti tonggak Orang Melayu di negeri ini. Berkenaan muafakat antara UMNO dan PAS, masih ada ruang untuk kedua-dua parti Melayu tersebut untuk bekerjasama namun masing-masing perlu ketepikan ideologi dan ego masing-masing untuk berperanan bahawa hanya parti masing-masing layak menjadi ketua. Oleh itu, UMNO dan PAS perlu berkompromi demi kebaikan dan kesejahteraan pengundi di negeri ini.

## **RUJUKAN**

- Abdul Hadi Awang. (2019). *Islam Memimpin*. Kuala Lumpur: Pejabat Presiden PAS.  
Abu Bakar Abdullah. (2012). *Kerajaan PAS Terengganu 1999-2004: Dasar dan Perundangan*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.

- Alias Ali. (2004). *Terengganu Parah di Bawah PAS*. Kuala Terengganu: Badan Perhubungan UMNO Terengganu.
- Astro Awani. (2021). Politik: UMNO Terengganu bertanding semua kerusi pada PRU15. <https://www.youtube.com/watch?v=2gV0rTwTbsU>. [23 April 2021].
- Awang Jabar. (2006). UMNO Terengganu Dalam Pilihan Raya Umum 2004: Analisis Faktor Dalaman dan Luaran Yang Mempengaruhi Kemenangan. Ijazah Sarjana, Program Sains Kemasyarakatan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.
- Azmah Abd. Manaf. (2013). Perkembangan Politik Dan Kesannya Ke Atas Pembangunan Ekonomi Terengganu, Antara Tahun 1955 Hingga 1969. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 40: (1) 133-154.
- Berita Harian. (2018). PH hanya pengacau di Terengganu - PAS. 6 Februari. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/02/385485/ph-hanya-pengacau-di-terengganu-pas>. [23 Oktober 2020].
- Berita Harian. (2019). Terengganu terima royalti RM1.3 bilion tahun ini - MB. 16 Oktober. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/10/618411/bhplus>. [23 Oktober 2020].
- Berita Harian. (2020a). PRU15: Majoriti kerusi di Kedah, Terengganu, Kelantan ditandingi PAS. 13 September. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/730922/pru15-majoriti-kerusi-di-kedah-terengganu-kelantan-ditandingi-pas>. [23 Oktober 2020].
- Berita Harian. (2020b). BERSATU Terengganu intai dua Parlimen, lapan DUN. 21 September. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2020/09/733633/bersatu-terengganu-intai-dua-parlimen-lapan-dun>. [23 Oktober 2020].
- Bernama. (2020). Bantuan COVID-19: 'Missing Link' antara ADUN UMNO dan MPKK - MB Terengganu. 17 April. [https://bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=1833118](https://bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1833118). [23 Oktober 2020].
- Buletin Online. (2017). PAS Terengganu Sedia Memerintah. 30 Julai. <https://bulletinonline.net/v7/index.php/pas-terengganu-sedia-memerintah/>. [23 Oktober 2020].
- Free Malaysia Today. (2018). Invoke ramal PH tawan 5 negeri, PAS hilang semuanya. 10 Mac. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/03/10/invoke-ramal-ph-tawan-5-negeri-pas-hilang-semuanya/>. [23 Oktober 2020].
- Hamdan Aziz. (2015). *Pilihan Raya Umum Terengganu 1955-2013*. Kuala Terengganu: Penerbit UMT.
- Harakahdaily. (2020). Isu bantuan Covid-19, MB jumpa Ahmad Said. 17 April. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/04/17/isu-bantuan-covid-19-mb-jumpa-ahmad-said-2/>. [23 Oktober 2020].
- Ilyas Abdullah. (2020). Transformasi Budaya Politik Melayu Terengganu: Kajian Kes Pasca PRU Ke-10. Tesis Phd Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Ilyas Abdullah & Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah. (2018). Dinamika Budaya Politik Melayu dalam Pilihan Raya Tahun 1999-2018: Terhentinya Dominasi BN di Terengganu. *Sains Insani* 3(2): 30-37.
- Ilyas Abdullah & Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah. (2019). Perkembangan Awal Gerakan Sosio Politik Melayu Di Terengganu: Tinjauan Dari Aspek Persejarahan. *Sains Insani* 4(1): 68-76.

- Ilyas Abdullah, Jamaie Hamil & Sity Daud. (2018a). Budaya Politik Baru Pasca PRU KE-10: Analisis terhadap Transformasi Budaya Politik Melayu di Terengganu. *Sains Insani* 3(1): 67-74.
- Ilyas Abdullah, Jamaie Hamil & Sity Daud. (2018b). Pendekatan Teori Pilihan Rasional: Analisis Terhadap Budaya Politik Melayu Terengganu. *Sains Insani* 3(1): 81-91.
- Ilyas Abdullah, Jamaie Hamil, Sity Daud & Nurul Saadatun Nadiah. (2018). The Transition of Malay Political Culture in Terengganu: From Feudal, NeoFeudal to New Politics. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8(12): 2070-2081.
- Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali. (2016). Kebangkitan PAS di Terengganu. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail, Sity Daud (Editor). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesinambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Abdul Muein Abadi & Ahmad Afif Zulkipli. (2018). Gelombang Rakyat Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Ke-7, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 7, 2018)*. Tema: "Integrasi Nusa Maritim dan Penguat Jalinan Kebhinekaan Alam Melayu di Asia Tenggara. Tempat: Jayakarta, Lombok Beach Resort & Spa, Nusa Tenggara Barat, Indonesia. Anjuran Bersama: Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia; Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universitas Islam Al-Azhar, Mataram, Indonesia. 28-29 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Mohd Faidz Mohd Zain & Ahmad Afif Zulkipli. (2016). Analisis Geografi Pilihan Raya Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir, Terengganu. *8th International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHSS) 2016*. Theme: Innovation in Humanities and Social Sciences: Opportunities and Challenges" at The Hotel Royale Chulan Damansara, Selangor, Malaysia. Organized By: Fakulty of Defence and Management Study, National Defence University of Malaysia (UPNM) and Prince Of Songkla University (PSU), Thailand. In The Royale Chulan Hotel, Damansara, Selangor. 27-29 May.
- Junaidi Awang Besar, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Amer Saifude Ghazali, Mazlan Ali, Nur Azuki Yusuff, Nasir Nayan & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2020). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)* 5(19) (June 2020): 128-144.
- Junaidi Awang Besar. (2003). Politik Baru: Analisis Pilihan Raya Umum 1995 dan 1999 di Parlimen Kuala Terengganu. Latihan Ilmiah, Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Yusoff. (2021). Kemelut Di Terengganu: Cerita Sebenar Dari Menteri Besar. 21 Mac. Facebook.
- Lotfi Ismail. (2003). *Saf Pimpinan PAS Terengganu: Hadi PM Malaysia Ke-6?*. Kota Bharu: Lotfi Ismail.
- Malaysia Dateline. (2020). Pelamin Umno-Pas bergoyang di Terengganu. 10 Julai. <https://malaysiadateline.com/pelamin-umno-pas-bergoyang-di-terengganu/>. [22 Oktober 2020].
- Malaysiakini. (2017). Misi mustahil AMANAH tawan Kelantan, Terengganu. 2 September. <https://www.malaysiakini.com/news/393900>. [22 Oktober 2020].
- Malaysiakini. (2018). PAS Terengganu yakin jadi kerajaan lepas 9 Mei. 3 Mei. <https://www.malaysiakini.com/news/422857>. [22 Oktober 2020].

- Malaysiakini. (2020a). Isu peruntukan Umno, PAS Terengganu selesai. 17 April. <https://www.malaysiakini.com/news/521166>. [22 Oktober 2020].
- Malaysiakini. (2020b). Agihan kerusi: Buktikan walak pada pemimpin - Naib presiden PAS. 19 Julai. <https://www.malaysiakini.com/news/535149>. Tarikh akses 23 Oktober 2020.
- Malaysiakini. (2020c). 'Saya tak ada pilihan, BN Terengganu tanding semua kerusi parlimen'. 28 Julai. <https://www.malaysiakini.com/news/536409>. [23 Oktober 2020].
- Malaysiakini. (2020d). Bersatu Terengganu akur PAS wajar dapat kerusi lebih. 25 September. <https://www.malaysiakini.com/news/544002>. [23 Oktober 2020].
- Malaysiakini. (2021). Ahmad cadangkan Umno, PAS bertembung di T'ganu, Kelantan dan Kedah. 27 Mac. <https://www.malaysiakini.com/news/568367>. [28 Mac 2021].
- Mazlan Ali. (2018). "Tsunami hijau Pantai Timur PRU-14: Gelombang PAS atau gelombang rakyat?". *Forum Pasca PRU14: Gelombang Rakyat*. Aras 13, Menara SAAS UiTM Shah Alam. 3-5.30 petang. 8 Jun.
- MNT Press. (2021). Jika UMNO Terengganu bertanding, ibarat menempah maut. <https://mymntnews.com/2021/04/20/jika-umno-terengganu-bertanding-ibarat-menempah-maut/>. [23 April 2021].
- Mohammad Agus Yusoff. (2004). Politik Terengganu Selepas Pilihan Raya Umum 1999: Dari Royalti ke Wang Ehsan. *Jebat* 31: 87-107.
- Mohd Abu Bakar. (2014). Ahli Politik Perlu Berjiwa Besar. <http://www.astroawani.com/berita-Malaysia/ahli-politik-perlu-berjiwa-besar-penganalisis-35911> [15 Oktober 2018].
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2017). Dlm. Sinar Online. PRU14: Pembangkang Ada Peluang Rampas Terengganu <http://www.sinarharian.com.my/politik/pru14-pembangkang-ada-peluang-rampas-terengganu-1.762041> [25 Oktober 2018].
- Mohd Firdaus Al Amry. (1992). *Terengganu: Rahsia yang Terbongkar*. Kuala Terengganu: Mahir Ent.
- Mohd Hasbie Muda. (2017). *Politik Terengganu: Perkembangan dan Pergolakan*. Malaysia: Megamind Leadership Consultancy.
- Sinar Harian. (2020a). Ahmad Said persoal agihan peruntukan bantuan Covid-19. 10 Ogos. <https://www.sinarharian.com.my/article/96066/BERITA/Politik/Ahmad-Said-per-soal-agihan-peruntukan-bantuan-Covid-19>. [22 Oktober 2020].
- Sinar Harian. (2020b). Tidak wujud kerjasama Muafakat Nasional di Terengganu - Ahmad. 11 Ogos. <https://www.sinarharian.com.my/article/96201/BERITA/Politik/Tidak-wujud-kerjasama-Muafakat-Nasional-di-Terengganu-Ahmad>. [23 Oktober 2020].
- Sinar Harian. (2020c). Agihan kerusi PN belum muktamad. 22 Julai. <https://www.sinarharian.com.my/article/93455/BERITA/Politik/Agihan-kerusi-PN-belum-muktamad>. [22 Oktober 2020].
- Syed Azman Syed Ahmad Nawawi. (2013). *Isu-Isu Politik, Ekonomi dan Kepimpinan: Terengganu Darul Runtuhan*. Kuala Lumpur: Penerbit HARAKAH.
- Tarmizi Mohd Jam. (1992). *Terengganu Selepas Kelantan: Teori Domino 1994*. Kuala Lumpur: Penerbitan FIS.
- Wan Zulkifli Wan Gati. (2018). Utusan Online. 2018. (Analisis) Riak Pergolakan Pakatan Harapan <http://www.utusan.com.my/berita/politik/analisis-riak-pergolakan-pakatan-harapan-terengganu-1.620053> [25 Oktober 2018].

Yahaya Ismail. (1990). *Skandal Politik Wan Mokhtar di Terengganu*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif Sdn.Bhd.

Zulkifli Sulong. (1994). *Operasi Tawan Terengganu*. Batu Caves, Selangor: Penerbitan Pemuda.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **JUNAIDI AWANG BESAR**

Program Geografi

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600, Bangi, Selangor

jab@ukm.edu.my